



فجابه فغاره تانه دان كاليين ترغكانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax : 09-6229887  
3100 – 3115



PTG.TR. G/05/1988/06/03 – (8)

05 Zulhijjah 1422  
18 Februari 2002

Pentadbir Tanah,  
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,  
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah,  
DUNGUN.

Pentadbir Tanah,  
BESUT.

Pentadbir Tanah,  
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,  
MARANG.

Pentadbir Tanah,  
SETIU.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 1/2002**

**PENAMATAN PELAKSANAAN REMISIYEN (PENANGGUHAN KUTIPAN  
KADAR CUKAI TANAH BARU KEPADA ORANG PERSEORANGAN)**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan mengenai penamatan pelaksanaan remisyen (penangguhan kutipan cukai tanah baru kepada orang perseorangan) apabila berlakunya urusan pindahmilik tanah.

2. **LATARBELAKANG:**

- 2.1 Pelaksanaan kadar cukai tanah baru telah diwartakan melalui Tr.P.U. 25 dalam Warta Kerajaan Jil. 46 Bil. 26 bertarikh 23 Disember 1993 dengan tarikh penguatkuasaan bermula pada 1 Januari 1994.
- 2.2 Walaubagaimanapun, bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh individu samada pemilikan perseorangan (single-proprietor) atau kepunyaan bersama (co-proprietorships) yang diberimilik sebelum tarikh penguatkuasaan pindaan cukai tanah di atas telah diberi 'remisyen' (ditangguhkan sementara pengenaan sepenuhnya kadar cukai tanah baru) sehingga satu tarikh yang akan

dimaklumkan/ditetapkan kemudian sebagaimana keputusan MMKN Bil. Kertas 1870/93 bertarikh 27 Oktober 1993.

- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menerusi Kertas Mesyuarat Bil. 32/2002 yang bermesyuarat pada 2 Januari 2002 telah bersetuju mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri Kali Ke 1/2001 yang telah diadakan pada 30 Ogos 2001 mengenai penamatan pelaksanaan remisyen (penangguhan kutipan cukai tanah baru kepada orang perseorangan) sebagaimana keputusan berikut:

“ Remisyen akan tamat/hilang apabila berlaku urusan pindahmilik bagi tanah-tanah berkenaan dan berkuatkuasa sertamerta. “

3. **KUATKUASA PENAMATAN REMISYEN:**

Penamatan pelaksanaan remisyen (penangguhan kutipan cukai tanah baru kepada orang perseorangan) berkuatkuasa sertamerta apabila berlaku urusan pindahmilik samada ianya melibatkan keseluruhan atau sebahagian tanah yang dimiliki secara perseorangan (single-proprietor) atau kepunyaan bersama (co-proprietorships) itu didaftarkan.

4. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diterimapakai dan berkuatkuasa dengan sertamerta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM “

Saya yang menurut perintah,



( DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR )  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Terengganu,
2. Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
3. Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
4. Pegawai Sistem Maklumat,
5. Pegawai Eksekutif (Hasil),
6. Ketua Pembantu Tadbir Pendaftaran PTG,
7. Pembantu Tadbir (Hasil) PTG,
8. Fail Timbul.

Mbm/Wmawe/C:ArahanPTG102